

30/01/1997

MAS diminta beri penjelasan

KUALA LUMPUR, Rabu - Penerbangan Malaysia (MAS) akan diminta menjelaskan kenapa ia menghentikan penghantaran pelatihnya daripada mengikuti kursus di Akademi Penerbangan Mofaz di Langkawi dan Akademi Penerbangan Malaysia di Batu Berendam, Melaka.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata MAS juga akan diminta menjelaskan sama ada langkah itu dibuat berikutan kakitangan penerbangannya sudah mencukupi atau dihantar berlatih di tempat lain.

Beliau bagaimanapun berkata, mesyuarat Kabinet hari ini tidak membincangkan sebarang perkara berkaitan MAS kerana ia dianggap sudah selesai.

"Tetapi saya difahamkan Persatuan Sekerja Kakitangan MAS dan pengurusan MAS sedang berbincang mengenai memorandum persefahaman (MOU) dalam Perjanjian Bersama (CA) kedua-dua pihak.

"Saya diberitahu ia akan selesai tidak lama lagi. Oleh itu, saya percaya tiada apa-apa masalah lagi untuk diberitahu kepada Kabinet (hari ini)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Kabinet, hari ini.

Berita Harian hari ini melaporkan, Akademi Penerbangan Mofaz dan Akademi Penerbangan Malaysia kemungkinan ditutup berikutan langkah MAS menghentikan penghantaran pelatihnya sejak tahun lalu.

Sebahagian bangunan di Akademi Penerbangan Mofaz terpaksa dijadikan chalet kos rendah kerana ketiadaan pelatih. Ia dijangka ditutup sepenuhnya walau menerima pelatih persendirian.

Diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai dakwaan kononnya ada pihak tertentu mahu menjatuhkan Pengerusi Eksekutif MAS, Tan Sri Tajudin Ramli, Dr Ling berkata:

"Apabila kakitangan dan pengurusan MAS bertemu dan mencapai kata sepakat, saya rasa semuanya adalah terkawal," katanya.

Menjawab soalan lain, beliau menyokong dan menggalakkan langkah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menyiarkan nama pemandu teksi yang melanggar peraturan di iklan akhbar.

Mengenai sama ada Keretapi Tanah Melayu (KTM) sudah melantik syarikat perunding untuk membuat kajian mengenai projek landasan keretapi Trans-Asia ke China, beliau berkata dua syarikat tempatan sudah dilantik.

"Syarikat pertama membuat kajian mengenai ekonomi dan satu lagi mengenai kejuruteraan. KTM bagaimanapun masih dalam proses perbincangan dengan kedua-dua syarikat itu," katanya.

(END)